

Kasim Ahmad: Hujah dan Kritikan Berkenaan Keraguan Terhadap Autentisiti Hadis

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin *
DI20091008C

Abstrak

Kasim Ahmad merupakan seorang tokoh antihadis Melayu yang bangkit mempertikaikan kedudukan hadis dalam Islam dan fungsinya. Bukunya "Hadis: Satu Penilaian Semula" memuatkan asas kepada pertikaian tentang hadis, yang turut menggambarkan pertikaian para orientalis dalam hal ini. Kajian ini akan menjawab dan menjelaskan beberapa aspek yang dipertikaikan.

Kata Kunci: Kasim Ahmad, antihadis, orientalis.

موجز

قاسم أحمد هو أحد المناهضين الحديث الشريف، قد نشأ نزاع في الحديث الشريف ووظائفه. كتب كتاباً يسمى "الحديث الشريف: إعادة التقييم" ليقوم حجته على الحديث الشريف وحجج المستشرقين عن الموضوع. سيقوم هذه الدراسة بإجابة وتوضيح بعض جوانب النزاع في الكتاب.

الكلمات الرئيسية: قاسم أحمد، المضادة للحديث، المستشرقون

PENGENALAN

Sebelum kelahiran buku *Hadis: Satu Penilaian Semula*, Kasim Ahmad pada umumnya masih mengikut garis-garis kebiasaan dalam menghuraikan sejarah umat, pengasasan teori sosial dan dalam menentukan kedudukan hadis. Malah, dalam menghuraikan erti "rasional" yang telah menjadi *key term* dalam perbahasannya, beliau tidaklah terpengaruh oleh pemikiran Barat. Bagi Kasim Ahmad, 'rasional' membawa makna 'tidak bertentangan dengan dan diterima akal'. Beliau turut menganggap segala yang

* Pelajar Diploma Pengajian Islam (Pascasiswazah), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Boleh dihubungi di SMK Desa Kencana, Felda Bandar Sahabat, Peti Surat 61546, 91123 Lahad Datu, Sabah. No. Telefon: 017-6192624, E-mel: Adou_Fr@yahoo.com, Laman Web: <http://ad-diyari.com>.

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin (2009). **Kasim Ahmad: Hujah dan Kritikan Berkenaan Keraguan Terhadap Autentisiti Hadis.**

terkandung dalam Rukun Iman dan Rukun Islam sebagai berada dalam lingkungan kerasionalan. Lebih daripada itu, Kasim Ahmad juga telah memberi tempat yang agak istimewa kepada qiyas dan ijma` sebagai sumber-sumber tambahan kepada perundangan Islam, di samping mengkritik pihak-pihak yang hanya memberi perhatian kepada sumber-sumber Al-Qur'an dan Hadis sahaja.

Dengan kelahiran *Hadis: Satu Penilaian Semula*, Kasim Ahmad telah mengubah pendiriannya terutama sekali berkaitan dengan status hadis. Sungguhpun begitu, dari segi pendekatan dan isinya, pemaparan-pemaparan dalam bukunya itu bukanlah sesuatu yang benar-benar baru kalau dilihat dari sudut perkembangan pemikiran orientalis yang telah membuat kajian tentang hadis. Antara pernyataan Kasim Ahmad ialah hadis merupakan satu ajaran palsu, kuasa palsu, tetapi dalam masa yang sama, beliau juga mengatakan bahawa kita tidak boleh menolak hadis sama sekali, dan kita juga boleh menjadikannya sebagai catatan dan sumber sejarah!

Beliau turut menyatakan bahawa hadis tidak wujud pada zaman Rasulullah dan amalan sembahyang dan puasa sahabat adalah ikutan semata-mata perlakuan Nabi Allah Ibrahim. Menurut beliau lagi, wahyu tidak lain ialah satu bentuk akal dan akal ialah suatu bentuk wahyu.

Penolakan hadis oleh Kasim Ahmad, menurut beliau adalah berdasarkan ilmu dan kaedah ilmiah Islam, dan bukannya berdasarkan emosi dan prejudis. Namun, terdapat dua kesilapan utama dalam Huraian Kaedah Kajian dan Sumber Ilmu yang digunakan oleh Kasim Ahmad. Pertama, tidak tepat dalam memilih ayat Al-Qur'an untuk menjadi sandaran kepada masalah yang dibincangkan. Kedua, tidak tepat dalam menyusun urutan sumber ilmu dalam Islam, kerana Kasim Ahmad meletakkan kenyataan empirikal lebih utama daripada wahyu.

PERTIKAIAN DAN JAWABAN

PERTIKAIAN 1: HADIS TIDAK WUJUD PADA ZAMAN RASULU LLAH.

Para `ulama' Islam sepakat bahawa hadis tidak dibukukan pada zaman Rasulullah dan Khulafa' u r-Rasyidin. Namun, hal ini tidak menafikan beberapa perkara asas bahawa:

- 1- Sunnah Nabi telah diamalkan oleh umat Islam sejak zaman nubuwwah
- 2- terdapat keharusan daripada Nabi untuk para sahabat menulis hadis
- 3- para sahabat menyimpan hadis dengan baik dalam ingatan mereka
- 4- terdapat beberapa sahifah yang ditulis oleh para sahabat yang mencatat hadis Nabi.

Para `ulama', antaranya Khitabiy, Al-Khatib Al-Baghdadiy, Al-Qadhi `Iyadh, Al-Harawiy, Ar-Ramahurmuzi, As-Sayutiy, Ibnu Salah dan lain-lain telah menghuraikan dengan teliti dalam kitab-kitab mereka berkenaan pertikaian tentang larangan dan keharusan menulis hadis. Daripada perbincangan mereka, dapatlah dibuat beberapa rumusan:

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin (2009). **Kasim Ahmad: Hujah dan Kritikan Berkenaan Keraguan Terhadap Autentisiti Hadis.**

- 1- Rasulu Llah melarang para sahabat menulis hadis kerana kkuatir berlaku percampuran antara Al-Qur'an dan Hadis.
- 2- Rasulu Llah memberi keizinan kepada beberapa sahabat untuk menulis hadis semasa hayat Nabi.
- 3- Rasulu Llah memberi keizinan am kepada umat Islam untuk menulis hadis.

Perlu diingat bahawa larangan menulis hadis adalah dikhususkan kepada mereka yang dikkuatiri berlaku percampuran antara Al-Qur'an dan Hadis, iaitu para sahabat yang kurang kuat ingatan mereka. Walau bagaimanapun, bagi para sahabat yang kuat ingatan, larangan ini tidak berlaku.

Beberapa sahifah yang wujud dan ditulis pada zaman Nabi membuktikan bahawa hadis telah wujud pada zaman Nabi. Antara sahifah yang utama adalah:

- 1- Sahifah Sa`d bin `Ubadah Al-Ansariy
- 2- Sahifah Samurah bin Jundub
- 3- Sahifah Jabir bin `Abdi Llah (dikenali sebagai Sahifah As-Sadiqah)
- 4- Sahifah `Abdu Llah bin `Abbas
- 5- Sahifah `Abdu Llah bin `Amr bin `As
- 6- Sahifah Abu Hurayrah (diriwayatkan oleh Hammam bin Munabbih, dikenali sebagai Sahifah As-Sahihah)

PERTIKAIAN 2: HADIS PALSU

Para `ulama' telah membahagikan hadis kepada dua kumpulan utama iaitu Ahadis As-Sahihah (الأحاديث الصحيحة) dan Ahadis As-Saqimah (الأحاديث السقيمة). Jenis As-Saqimah terbahagi kepada banyak bahagian, antaranya mawdhu` dan dha`if. Dalam pembahagian `ulum hadis, hadis dha`if sahaja dibahagikan kepada banyak kategori, antaranya:

- 1- Mawquf (موقوف)
- 2- Mursal (مرسل)
- 3- Maqtu` (مقطوع)
- 4- Munqati` (منقطع)
- 5- Mu`addal (معضل)
- 6- Mudallas (مدلس)
- 7- Syaz (شاذ)
- 8- Mu`allal (معلل)

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin (2009). **Kasim Ahmad: Hujah dan Kritikan Berkenaan Keraguan Terhadap Autentisiti Hadis.**

9- Mudhtarib (مضطرب)

10- Mudarraaj (مدراج), dan lain-lain lagi.

Justeru, hadis palsu memang telah dimaklumi dalam pembicaraan `ulum hadis, sehingga ia dimaklumi dan ditapis daripada yang sahih dan hasan. Antara sebab kemunculan hadis palsu:

- 1- Pertelingkahan politik. Ia bermula selepas pembunuhan `Usman, kemudian berkembanglah pertelingkahan politik, dan berkembang bersamanya penipuan sebagai pertolongan untuk satu golongan atau khalifah dan sebagainya. Contohnya puak Rafidhah banyak mencipta hadis palsu untuk kepentingan puak mereka.
- 2- Ta`sub kepada bangsa, qabilah, bahasa, negeri dan Imam tertentu. Mereka mencipta hadis palsu untuk memenuhi hawa nafsu mereka.
- 3- Menarik perhatian manusia untuk mendengar kisah dan riwayat. Hal ini dilakukan oleh para pencerita untuk menarik manusia agar mendengar cerita-cerita mereka.
- 4- Pertelingkahan mazhab dan fahaman, misalnya dalam hadis palsu tentang Imam Asy-Syafi`iy dan Imam Abu Hanifah.
- 5- Fadha`il A`mal. Mereka jahil dalam Islam tetapi mereka mempunyai niat yang baik terhadap agama, khususnya golongan sufi. Mereka mencipta hadis palsu tentang kelebihan amalan-amalan tertentu.
- 6- Mencari nama dan pangkat di sisi pemerintah. Ramai golongan pengampu ini mengeluarkan hadis sesuka hati bagi menggembirakan hati pemerintah demi mendapatkan upah dan ganjaran seperti Ghiyas bin Ibrahim An-Nakha`iy (غياث بن إبراهيم النخعي) yang mencipta hadis kelebihan bermain dengan burung merpati.

Sungguhpun demikian, setiap hadis palsu ini dapat dikenali dengan disiplin `ulum hadis dari segi sanad, matan dan sebagainya, hingga menyebabkan banyak kitab yang menyenaraikan hadis-hadis palsu ditulis.

PERTIKAIAN 3: MUHAMMAD HANYA PENYAMPAI WAHYU ILAHI

Wahyu boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu matlu (متلو) dan ghayru matlu (غير متلو).

Matlu secara mutlaq adalah Al-Qur'an, kerana ia dibaca di dalam salat dan membacanya adalah `ibadah. Ghayru matlu pula adalah bentuk lain wahyu iaitu diturunkan maknanya sahaja tetapi lafaznya datang dari Nabi Muhammad. Termasuk dalam hal ini ialah Hadis Qudsiy secara khusus, dan Hadis secara umum.

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin (2009). **Kasim Ahmad: Hujah dan Kritikan Berkenaan Keraguan Terhadap Autentisiti Hadis.**

Contoh yang sangat menarik dalam hal ini ialah dalam Surah At-Tahrim. Kata Allah:

﴿ وَإِذْ أَسْرَ التَّيِّبِي إِلَى بَعْضِ أَرْوَاجِهِ حَدِيثًا فَلَمَّا نَبَأَتْ بِهِ وَأَظْهَرَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ عَرَفَ بَعْضَهُ. وَأَعْرَضَ عَنْ

بَعْضٍ فَلَمَّا نَبَأَهَا بِهِ قَالَتْ مَنْ أَنْبَأَكَ هَذَا قَالَ نَبَأَنِي الْعَلِيمُ الْحَبِيرُ ﴿٢﴾ [التحریم: ٣]

«Dan apabila Nabi itu merahsiakan kepada beberapa isteri-isterinya satu peristiwa, maka apabila dia memberitakan dengannya, dan Allah menzahirkannya ke atasnya, dia memberitakan sebahagiannya dan dia menyembunyikan daripada sebahagian. Maka apabila dia memberitakannya dengannya, dia berkata: Siapakah yang memberitakan kamu hal ini? Dia berkata: «Telah memberitakan saya oleh yang maha Mengetahui, yang maha Mengenal.» [At-Tahrim: 3]

Satu konsep wahyu yang menarik dalam ayat ini, ialah pengakuan Nabi bahawa Allah telah memberitakan peristiwa itu kepadanya. Sungguhpun demikian, tidak ada dalam Al-Qur'an satu ayat pun yang menyebutkan apakah yang Tuhan beritahukan itu, sedangkan Nabi bersifat tabligh iaitu menyampaikan. Justeru, di manakah wahyu yang Tuhan beritakan itu, melainkan ia adalah wahyu ghayru matlu!

Hal yang sama berlaku dalam hadis secara umum dan Hadis Qudsiy secara khusus yang merupakan satu bentuk wahyu Ilahi kepada Nabi Muhammad, tetapi ia tidak termasuk dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang dibaca. Kata Allah:

﴿ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾ عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ ﴿٥﴾ [النجم: ٣ -

٥]

«Dan tidaklah dia menyebut daripada hawa nafsu. Tidaklah ia melainkan wahyu yang diwahyukan. Yang telah mengajarkannya (mala'ikat) yang bersangatan kuat» [An-Najm: 3-5]

Demikian juga Nabi Muhammad turut menjadi wasilah kepada mendapat cinta Tuhan. Kata Allah:

﴿ قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبُّكُمْ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾ [آل

عمران: ٣١]

«Katakan: Jika kamu mencintai Allah, maka ikutlah saya, Allah akan mencintai kamu dan Dia akan mengampunkan bagi kamu dosa-dosa kamu, dan Allah adalah Pengampun, yang penyayang» [Ali `Imran: 31]

Begitu juga disebut dalam Al-Qur'an bahawa Muhammad ditugaskan untuk menerangkan Al-Qur'an kepada manusia. Kata Allah:

﴿ بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَنْفَكِرُونَ

﴿ [النحل: ٤٤]

«Dengan keterangan-keterangan dan Zabur-zabur. Dan Kami telah turunkan kepada kamu Az-Zikr untuk kamu terangkan untuk manusia apa yang diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir» [An-Nahl: 44].

Kata-Nya lagi:

﴿ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ الَّذِي اخْتَلَفُوا فِيهِ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ

يُؤْمِنُونَ ﴿ [النحل: ٦٤]

«Dan tidak Kami turunkan ke atas kamu Al-Kitab melainkan untuk kamu terangkan untuk mereka yang mereka perselisihkan padanya, dan sebagai petunjuk dan rahmat untuk kaum yang beriman» [An-Nahl: 64].

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Dapat disimpulkan berdasarkan perbincangan di atas bahawa keraguan Kasim Ahmad terhadap hadis adalah keraguan yang tidak berasas dan dapat dijawab dengan ayat Al-Qur'an dan hadis sendiri. Pertikaian yang timbul adalah kerana salah faham, tidak memahami tradisi ilmu `ulum hadis, dan terpengaruh dengan dakwah golongan orientalis. Akal yang waras pasti akan dapat melihat bukti-bukti yang jelas tentang fungsi dan peranan hadis sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab-kitab `ulum hadis.

RUJUKAN:

باللغة العربية

- ١- ابن شرف النووي. التقريب والتيسير لمعرفة سنن البشير النذير في أصول الحديث.
- ٢- الشريف حاتم بن عارف العوني، الدكتور. الجواب عن طعون في صحيح البخاري.
- ٣- أحمد محمد بوقرين. جهود العلماء في مقاومة الوضع.

Bahasa Melayu

- 1- Abdul Halim El-Muhammady (1991). **Islam dan Al-Hadith satu analisis ke arah usaha-usaha merosakkan peribadi dan autoriti Rasulullah S.A.W.** Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.